



MODUL HOMEROOM MRSM TUMPAT

SEMESTER 1 TAHUN 2025

(TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DARI SEMASA KE SEMASA)

Disediakan oleh :

**RAHAYU BINTI AB WAHAB (KB.PA)
SETIAUSAHA & AJK MODUL HOMEROOM
MRSM TUMPAT 2025**

Disemak oleh :

**JAWATANKUASA PENGURUSAN & PEMBANGUNAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT
TAHUN 2025**



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : WELCOME TO THE NEW CHAPTER
TARIKH : 2 MAC 2025 (AHAD)
MODUL KE : 01
TINGKATAN : SEMUA PELAJAR
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan pertama bagi sesi 2025.
2. Membuat perancangan tahunan dan perlantikan Ahli Jawatankuasa Homeroom yang baharu bagi tahun 2025.
3. Penyediaan fail pengurusan homeroom 2025. (Fail homeroom 2025 – Ring File (Putih) & File nipis (Management file) disediakan oleh UPHR MRSM Tumpat).
4. Perbincangan modul program Ihya Ramadhan – Modul jawatankuasa Ihya Ramadhan.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing
2. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
3. Kehadiran ahli dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
4. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali pertama ini bagi tahun 2025.
5. Perbincangan diteruskan dengan perbincangan perkara berikut :
 - i. Pelantikan Ahli Jawatankuasa Homeroom 2025.
 - ii. Perancangan Tahunan Homeroom 2025 (Selain modul wajib)
 - iii. Pengurusan Fail Homeroom
 - iv. Perbincangan Modul Ihya Ramadhan (Lihat lampiran)
6. Pertemuan selesai & seterusnya perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklum balas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

Berani melangkah, berani berubah. Jadikan 2025 tahun yang luar biasa! TERUS CEMERLANG.
SALAM RAMADHAN PENUH KEBERKATAN dari UPHR MRSM Tumpat 2025.

GARIS PANDUAN MODUL IHYA' RAMADHAN



PERTANDINGAN MELUKIS POSTER

- ✓ Setiap Homeroom **WAJIB** menghantar 2 penyertaan
- ✓ Tema poster adalah Asmaul Husna. Nama-nama Allah untuk setiap Homeroom akan ditetapkan
- ✓ Poster hendaklah dilukis diatas kertas A3 dengan kaedah berbeza (Acrylic, pensil warna, kolaj dan sebagainya)
- ✓ Penyertaan hendaklah dihantar pada 9 Mac 2025 jam 2 petang kepada Cikgu Anis
- ✓ Penyertaan poster digital adalah tidak dibenarkan

IHYA' RAMADHAN 2025



PERTANDINGAN HAFAZAN
Mini Ulul Albab

Setiap Homeroom **WAJIB** menghantar minimum seorang wakil

Penilaian berdasarkan bacaan yang lancar dan bertajwid

Sukatan hafazan adalah mengikut silibus Hafazan Mini Ulul Albab

Penyertaan dibuka sehingga **20 Mac 2025**

Penyertaan boleh dibuat melalui :

Tingkatan	PIC
1	Ustaz Ubai
2	Ustaz Rosli
3	Ustazah Munirah
4	Ustaz Amin
5	Ustaz Muhamad

IHYA' RAMADHAN 2025



Pertandingan Video Pendek

1. Setiap Homeroom **WAJIB** menghantar 1 penyertaan
2. Tema video pendek adalah 'Ramadhan Bulan Tarbiah'
3. Video hendaklah berdurasi maximum 3 minit
4. Penyertaan hendaklah dihantar pada **16 Mac 2025 jam 2 petang** kepada guru Homeroom masing-masing
5. Guru Homeroom hendaklah memuatnaik video tersebut ke dalam telegram (Bahan Homeroom 2025)

IHYA' RAMADHAN 2025



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : PERTANDINGAN DIARI RAMADHAN HOMEROOMKU (MENENGAH RENDAH)
TARIKH : 9 MAC 2025 (AHAD)
MODUL KE : 02
TINGKATAN : TINGKATAN 1, 2 & 3
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-2 bagi sesi 2025.
2. Mewujudkan kesedaran kepada ahli homeroom berkaitan pentingnya penghayatan dalam Bulan Ramadhan.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
3. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
4. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali kedua ini bagi tahun 2025.
5. Perbincangan diteruskan dengan perbincangan perkara berikut :
 - i. Program pertandingan Penulisan Diari Ramadhan Homeroomku. (Lihat lampiran modul)
6. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklum balas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

“Dunia ini umpama lautan yang luas. Kita adalah kapal yang belayar di lautan telah ramai kapal karam didalamnya.. andai muatan kita adalah iman, dan layarnya takwa, nescaya kita akan selamat dari tersesat di lautan hidup ini”

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN DIARI RAMADHAN HOMEROOMKU HOMEROOM TINGKATAN 1, 2 & 3

PENGENALAN

Penulisan Diari Ramadhan menggalakkan pelajar untuk membuat amalan baik semasa bulan Ramadhan agar mereka dapat menghayati maksud di sebalik kewajipan yang telah ditetapkan. Pelajar-pelajar perlu membuat penulisan diari ini untuk menjelaskan perbuatan baik yang mereka telah lakukan sepanjang bulan Ramadhan. Aktiviti ini bagus untuk memupuk tabiat membuat amalan baik di kalangan pelajar dan penasihat homeroom boleh bersama-sama membuat sesi refleksi dan berkongsi dengan ahli yang lain.

KRITERIA PERTANDINGAN

1. Hanya **SATU** penyertaan sahaja bagi setiap homeroom.
2. Setiap homeroom perlu membuat **Penulisan Diari Homeroomku** sepanjang bulan Ramadhan ini.
3. Segala penulisan diari hendaklah dibuat secara kreatif dan asli tanpa meniplak hasil orang lain.
4. Penulisan Diari yang telah siap perlulah dihantar kepada penyelaras homeroom tingkatan masing-masing.
5. **Tarikh akhir penghantaran penyertaan ialah pada 25/3/2025. (Selasa).**

KRITERIA PENILAIAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PERATUSAN MARKAH
1.	Pengisian dan olahan (Penghayatan yang jelas)	30 MARKAH
2.	Gaya bahasa dan penulisan	30 MARKAH
3.	Kekreatifan & keaslian & kemas dan tersusun	20 MARKAH
4.	Kerjasama antara ahli dan guru penasihat	20 MARKAH
MARKAH KESELURUHAN		100%



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : PERTANDINGAN DIARI RAMADHAN HOMEROOMKU (MENENGAH ATAS)
TARIKH : 9 MAC 2025 (AHAD)
MODUL KE : 02
TINGKATAN : TINGKATAN 4 & 5
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-2 bagi sesi 2025.
2. Mewujudkan kesedaran kepada ahli homeroom berkaitan pentingnya penghayatan dalam Bulan Ramadhan.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
3. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
4. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-2 ini bagi tahun 2025.
5. Perbincangan diteruskan dengan perbincangan perkara berikut :
 - i. Program pertandingan Video Diari Ramadhan Homeroomku. (Lihat lampiran modul)
6. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklum balas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

“Dunia ini umpama lautan yang luas. Kita adalah kapal yang belayar di lautan telah ramai kapal karam didalamnya.. andai muatan kita adalah iman, dan layarnya takwa, nescaya kita akan selamat dari tersesat di lautan hidup ini”

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN DIARI RAMADHAN HOMEROOMKU HOMEROOM TINGKATAN 4 & 5

PENGENALAN

Program pertandingan Diari Ramadhan menggalakkan pelajar untuk membuat amalan baik semasa bulan Ramadhan agar mereka dapat menghayati maksud di sebalik kewajipan yang telah ditetapkan. Pelajar-pelajar perlu membuat **VIDEO DIARI** ini untuk menjelaskan perbuatan baik yang mereka telah lakukan sepanjang bulan Ramadhan. Aktiviti ini bagus untuk memupuk tabiat membuat amalan baik di kalangan pelajar dan penasihat homeroom boleh bersama-sama membuat sesi refleksi dan berkongsi dengan ahli yang lain.

KRITERIA PERTANDINGAN

1. Hanya **SATU** penyertaan sahaja bagi setiap homeroom.
2. Setiap homeroom perlu menghasilkan **Video Diari Ramadhan Homeroomku** sepanjang bulan Ramadhan ini.
3. Penghasilan diari secara video pendek hendaklah dibuat secara kreatif dan asli tanpa meniplak hasil orang lain.
4. Durasi video adalah selama 5 minit sahaja dan markah akan ditolak sekiranya melebihi masa yang ditetapkan.
5. Video Diari Ramadhan Homeroomku yang telah siap perlulah dihantar kepada penyelarass homeroom tingkatan masing-masing.
6. **Tarikh akhir penghantaran penyertaan ialah pada 25/3/2025. (Selasa).**

KRITERIA PENILAIAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PERATUSAN MARKAH
1.	Pengisian dan olahan (Penghayatan yang jelas)	30 MARKAH
2.	Gaya bahasa dan penulisan	30 MARKAH
3.	Kekreatifan & keaslian & kemas dan tersusun	20 MARKAH
4.	Kerjasama antara ahli dan guru penasihat	20 MARKAH
MARKAH KESELURUHAN		100%



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : CERAMAH NUZUL AL-QURAN
TARIKH : 16 MAC 2025 (AHAD)
MODUL KE : 03
TINGKATAN : SEMUA PELAJAR
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-3 bagi sesi 2025.
2. Mewujudkan kesedaran kepada ahli homeroom berkaitan pentingnya penghayatan dalam Bulan Ramadhan dan sejarah penurunan Al-Quran..
3. Nuzul Quran adalah peristiwa penurunan Al-Quran dari Luh Mahfuz kepada Nabi Muhammad S.A.W. melalui malaikat Jibril A.S.
4. Peristiwa ini merupakan peristiwa teragung dan bersejarah buat umat Islam dimana peristiwa ini menyaksikan ayat pertama yang diturunkan iaitu menerusi ayat yang pertama daripada Surah Al-Alaq.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing di Dewan Mahligai 7 untuk sama-sama mendengar ceramah Nuzul Al-Quran.
2. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan untuk setiap kali pertemuan.
3. Pelajar dan penasihat bersama-sama mendengar ceramah Nuzul Al-Quran dari penceramah jemputan.
4. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklum balas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

“Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya”. **[Riwayat Muslim (804)]**



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : PERSIAPAN AKHIR DIARI RAMADHAN / PERTANDINGAN MUZIK VIDEO RAYA HOMEROOM
TARIKH : 23 MAC 2025 (AHAD)
MODUL KE : 04
TINGKATAN : SEMUA PELAJAR
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-4 bagi sesi 2025.
2. Memberi ruang kepada pelajar dan penasihat untuk membuat persiapan akhir pertandingan Diari Ramadhan Homeroomku sebelum tarikh penghantaran.
3. Membincangkan pertandingan penghasilan Muzik Video Raya Homeroom.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
3. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
4. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-4 ini bagi tahun 2025.
5. Perbincangan diteruskan dengan perbincangan agenda homeroom masing-masing dan penghasilan Muzik Video Raya homeroom (Lihat Lampiran).
6. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklum balas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

Biarkan kejujuran, kemurahan hati, dan kegembiraan Ramadan tetap bersama kita sepanjang tahun.

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN MUZIK VIDEO RAYA HOMEROOM TINGKATAN 1,2,3,4 & 5

PENGENALAN

Pertandingan Muzik Video Lagu merupakan satu aktiviti dapat mencungkil dan mengembangkan bakat dan kreativiti pelajar dalam nyanyian seterusnya menghasilkan produksi video filem pendek yang kreatif serta bersesuaian dengan tajuk lagu pilihan. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan tentang nilai-nilai kesenian bangsa sebagai teras pembentukan masyarakat bangsa. Selain itu ianya memberikan pendedahan tentang penghasilan produksi video dan mengembangkan bakat serta memberikan pengalaman muzikal yang menyeronokkan kepada pelajar melalui aktiviti bersama.

KRITERIA PERTANDINGAN

1. Hanya **SATU** penyertaan sahaja bagi setiap homeroom.
2. Setiap homeroom perlu menghasilkan **MUZIK VIDEO RAYA** bersama homeroom dan penasihat masing-masing.
3. Penghasilan muzik video hendaklah dibuat secara kreatif dan asli tanpa meniplak hasil orang lain.
4. Durasi video adalah selama 5 minit sahaja dan markah akan ditolak sekiranya melebihi masa yang ditetapkan.
5. Muzik Video Raya yang telah siap perlulah dihantar kepada penyelarass homeroom tingkatan masing-masing.
6. **Tarikh akhir penghantaran penyertaan ialah pada 6/4/2025. (Ahad).**

KRITERIA PENILAIAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PERATUSAN MARKAH
1.	Mesej	40 MARKAH
2.	Kreativiti	20 MARKAH
3.	Audio Visual	20 MARKAH
4.	Impak	20 MARKAH
MARKAH KESELURUHAN		100%



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : PENGURUSAN MERIT DEMERIT & AKTIVITI PERANCANGAN HOMEROOM MASING-MASING
: KURSUS 1 : MEMUPUK KEUNGGULAN HOMEROOM (PRESIDEN & NAIB PRESIDEN) - PSP
TARIKH : 6 APRIL 2025 (AHAD)
MODUL KE : 05
TINGKATAN : SEMUA TINGKATAN
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-5 bagi sesi 2025.
2. Memberi peluang dan ruang masa kepada Guru Penasihat dan ahli homeroom merancang dan melaksanakan aktiviti homeroom masing-masing seperti Program Khidmat Masyarakat (CSR) / Meraikan hari lahir / lawatan kerumah penasihat / perbincangan inovasi dan kreativiti dan sebagainya.
3. Memberi peluang dan ruang untuk pengurusan merit demerit homeroom masing-masing bagi menghantar permarkahan merit bagi bulan sebelumnya kepada Jawatankuasa Merit Demerit MRSM Tumpat.
4. Memberi panduan dan maklumat kepada semua presiden dan setiausaha homeroom bagi semua tingkatan dalam Memupuk Keunggulan Homeroom 2025.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu memastikan Presiden dan Setiausaha menghadiri Kursus Memupuk Keunggulan Homeroom di Pusat Sumber Pembelajaran (3.00-4.30 petang).
3. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
4. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
5. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-5 ini bagi tahun 2025.
6. Perbincangan diteruskan dengan perbincangan perkara berikut :
 - i. Program pengurusan merit demerit homeroom & aktiviti berdasarkan perancangan homeroom masing-masing.
7. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklum balas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

Keberuntungan itu bukan untuk dinanti, tapi untuk dicari. Semakin banyak kita mengambil peluang, semakin banyak keberuntungan datang. Tetap la berusaha anak ku..pasti kamu berjaya.



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : SLOT TAKLIMAT BUKU TEKS KU, TANGGUNGJAWAB KU
: Disampaikan oleh Puan Erma Binti Mat (Guru Media/Sivik MRSM Tumpat)
: **KURSUS 1 – GURU HOMEROOM “HOMEROOM MAWADDAH WARAHMAH”**
: **PENCERAMAH JEMPUTAN**

TARIKH : 13 APRIL 2025 (AHAD)
MODUL KE : 06
TINGKATAN : SEMUA TINGKATAN
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-6 bagi sesi 2025.
2. Mewujudkan rasa sayang dan bertanggungjawab dalam menjaga buku teks maktab yang diamanahkan kepada pelajar.
3. Memberi motivasi dan mengembalikan semangat penasihat-penasihat homeroom dalam meneruskan perjuangan mendidik anak bangsa. ***Usah lelah wahai Guru...kerana setiap langkahmu, diringi pahala syurga. Usah kecewa wahai guru..kerana peluhmu menghapus dosa. Bahagiamu akan tiba bila mereka berjaya. Itu lah bekalan kita DISANA.....***

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini dan memastikan homeroom masing-masing ke Dewan Mahligai 7.
2. Guru Penasihat perlu menghadiri **kursus 1: Guru Homeroom “Homeroom Mawaddah Warahmah”** di Pusat Sumber pembelajaran (3.00 petang).
3. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
4. Manakala taklimat **“Buku Teks ku, Tanggungjawab ku”** akan disampaikan oleh Puan Erma Binti Mat di Dewan Mahligai 7 kepada semua pelajar.
5. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklum balas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

Jangan pernah merasa khawatir tentang kegagalan, akan tetapi khawatirlah tentang peluang yang telah kamu lewatkan ketika kamu tidak mencuba untuk melakukan sesuatu.



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : MODUL HARI BUMI & MOCK INTERVIEW (TINGKATAN 5)
TARIKH : 20 APRIL 2025 (AHAD)
MODUL KE : 07
TINGKATAN : SEMUA TINGKATAN
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-7 bagi sesi 2025.
2. Membuat persediaan awal iaitu perbincangan dan latihan.
3. Meningkatkan daya kreatif dan inovasi para pelajar & Guru Penasihat.
4. Memberi peluang dan ruang bagi pelajar menonjolkan potensi dan bakat masing-masing.
5. Memupuk pelajar menghayati dan menghargai hari Bumi.
6. Memberi pendedahan kepada pelajar tingkatan 5 berkaitan aspek persediaan menghadapi temuduga, penulisan resume dan latihan temuduga yang sebenar.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
3. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
4. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-7 ini bagi tahun 2025.
5. Guru Penasihat perlu berkongsi secara ringkas tentang sambutan Hari Bumi yang diraikan pada 22 April setiap tahun diseluruh dunia sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar.
6. Perbincangan diteruskan dengan modul pertandingan dari Jawatankuasa Hari Bumi. (Lampiran modul akan diberikan oleh AJK Hari Bumi MRSM Tumpat).
7. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklum balas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

“Hari Bumi adalah hari untuk bersyukur atas keajaiban alam yang mengelilingi kita. Dalam rasa syukur kita, mari kita janjikan untuk menjaga dan memelihara keindahan bumi ini, agar dapat nikmati oleh generasi-generasi mendatang”.



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : MODUL PERTANDINGAN HOMEROOM SEMPENA HARI GURU
: **TINGKATAN 1 PERTANDINGAN FAMILY KARAOKE (PSP)**
: **TINGKATAN 2 PERTANDINGAN CHORAL SPEAKING (KELAS)**
: **TINGKATAN 3 PERTANDINGAN NASYID (SURAU)**
: **TINGKATAN 4 & 5 PERTANDINGAN PENTOMIN (DM7)**

TARIKH : 27 APRIL 2025 (AHAD)
MODUL KE : 08
TINGKATAN : SEMUA TINGKATAN
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-8 bagi sesi 2025.
2. Membuat persediaan awal iaitu perbincangan dan latihan.
3. Meningkatkan daya kreatif dan inovasi para pelajar & Guru Penasihat.
4. Memberi peluang dan ruang bagi pelajar menonjolkan potensi dan bakat masing-masing.
5. Memupuk pelajar menghayati dan menghargai pengorbanan guru.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
3. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
4. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-8 ini bagi tahun 2025.
5. Perbincangan diteruskan dengan perbincangan modul mengikut tingkatan (Lihat Lampiran).
6. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklumbalas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

"Guru adalah cahaya yang menerangi gelapnya kebodohan. Semoga selalu diberi kekuatan dan kesihatan dalam mendidik generasi bangsa."

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN SEMPENA HARI GURU MRSM TUMPAT

PERTANDINGAN FAMILY KARAOKE HOMEROOM TINGKATAN 1

PENGENALAN

Pertandingan “**Family Karaoke**” menggalakkan serta menarik minat pelajar untuk mengenali dan mempelajari asas-asas nyanyian. Mendedahkan pelajar kepada aktiviti seni nyanyian serta memberi peluang kepada pelajar untuk mengetengahkan bakat nyanyian. Menggalakkan pelajar bergerak aktif sebagai usaha menyemarakkan seni budaya. Membolehkan pelajar mempunyai disiplin dalam membuat persembahan dan menikmati muzik ke arah pembentukan insan yang mempunyai emosi yang seimbang, kreatif dan inovatif. Dengan adanya aktiviti seperti ini dapat memberi keyakinan dan kekuatan diri kepada pelajar dan penasihat homeroom untuk sama-sama membina potensi secara kreatif dan menyeronokkan.

KRITERIA PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua homeroom tingkatan satu.
2. Penyertaan adalah melibatkan semua ahli homeroom.
3. Markah **BONUS** untuk penglibatan penasihat homeroom dalam pertandingan ini.
4. Kategori lagu ialah Lagu “**irama melayu**” berkonsepkan Tema “ **Guru Di hatiku**”
5. Setiap homeroom hanya mempersembahkan sebuah lagu sahaja.
6. Lagu mesti disampaikan dengan iringan muzik dari CD/DVD secara ‘Minus One’.
7. Iringan muzik dari CD secara ‘plus one’ tidak dibenarkan.
8. Pilihan lagu mestilah tidak menyentuh sensitiviti masyarakat/kaum.
9. Pakaian peserta mestilah bersesuaian dengan pilihan lagu dan tidak menjolok mata.
10. Masa persembahan nyanyian tidak melebihi 6 minit. (termasuk persediaan)
11. Markah akan dipotong sekiranya masa persembahan melebihi masa yang ditetapkan.
12. Pemenang perlu membuat persembahan pada Majlis Sambutan Hari Guru 2025.
13. **Cabutan nombor giliran persembahan akan dibuat sehari sebelum program bermula.**

KRITERIA PENILAIAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PERATUSAN MARKAH
1.	SUARA	40 MARKAH
2.	TEMPO IRAMA	20 MARKAH
3.	PERSEMBAHAN/GAYA	20 MARKAH
4.	KREATIVITI & MENEPATI TEMA PERSEMBAHAN	10 MARKAH
5.	KERJASAMA PENGLIBATAN PENASIHAT 1 & 2	10 MARKAH
MARKAH KESELURUHAN		100%

PERTANDINGAN CHORAL SPEAKING HOMEROOM TINGKATAN 2

PENGENALAN

Choral Speaking ialah salah satu pertandingan dalam bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Homeroom (UPHR) MRSM Tumpat. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan serta meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar MRSM Tumpat. Aktiviti ini dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam menulis skrip, menghafal serta membuat persembahan dalam bahasa Inggeris. Program ini akan melahirkan kerjasama yang baik melalui proses latihan yang akan dilalui oleh pelajar bersama ahli homeroom yang lain.

KRITERIA PERTANDINGAN

1. Tema persembahan “**Teacher in My Heart**”.
2. Bahasa pengantar adalah bahasa Inggeris sahaja.
3. Irama bahasa yang digunakan boleh dari ciptaan sendiri atau daripada yang sedia ada.
4. Masa yang diperuntukkan tidak lebih daripada 8 minit.
5. Markah akan ditolak sekiranya persembahan melebihi masa yang ditetapkan.
6. Markah BONUS sekiranya wujud penglibatan dan kerjasama Guru Penasihat semasa persembahan.

KRITERIA PENILAIAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PERATUSAN MARKAH
1.	Suara dan Harmoni	40 MARKAH
2.	Imbangan	30 MARKAH
3.	Kreativiti dan gaya	20 MARKAH
4.	Kerjasama dan penglibatan Guru Penasihat	10 MARKAH
MARKAH KESELURUHAN		100%

PERTANDINGAN NASYID HOMEROOM TINGKATAN 3

PENGENALAN

Pertandingan Nasyid diadakan untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang kesenian hiburan Islam yang sebenar dan agar mereka menyedari ianya mempunyai keunikan tersendiri. Kemahiran ini perlu diasah dari peringkat awal lagi. Pelajar semestinya mendapatkan pelbagai peluang untuk lebih mengenali salah satu daripada warisan kesenian ini. Maka, sebagai suatu langkah untuk menggalakkan para pelajar mengenali serta memartabatkan kesenian Islam negara kita, UPHR MRSM Tumpat menganjurkan program ini sebagai pengerak dalam mencintai kesenian Islam.

KRITERIA PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua homeroom tingkatan 3.
2. Penyertaan adalah melibatkan semua ahli homeroom.
3. Markah **BONUS** untuk penglibatan penasihat homeroom dalam pertandingan ini.
4. Kategori lagu ialah Lagu “**irama nasyid**” berkonsepkan Tema “ **Guru Di hatiku**”
5. Setiap homeroom hanya mempersembahkan sebuah lagu sahaja.
6. Lagu mesti disampaikan dengan iringan muzik dari CD/DVD secara ‘Minus One’.
7. iringan muzik dari CD secara ‘plus one’ tidak dibenarkan.
8. Pilihan lagu mestilah tidak menyentuh sensitiviti masyarakat/kaum.
9. Pakaian peserta mestilah bersesuaian dengan pilihan lagu dan tidak menjolok mata.
10. Masa persembahan nyanyian tidak melebihi 6 minit. (termasuk persediaan)
11. Markah akan dipotong sekiranya masa persembahan melebihi masa yang ditetapkan.
12. Pemenang perlu membuat persembahan pada Majlis Sambutan Hari Guru 2025.
13. **Cabutan nombor giliran persembahan akan dibuat sehari sebelum program bermula.**

KRITERIA PENILAIAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PERATUSAN MARKAH
1.	SUARA	40 MARKAH
2.	TEMPO IRAMA	20 MARKAH
3.	PERSEMBAHAN/GAYA	20 MARKAH
4.	KREATIVITI & MENEPATI TEMA PERSEMBAHAN	10 MARKAH
5.	KERJASAMA PENGLIBATAN PENASIHAT 1 & 2	10 MARKAH
MARKAH KESELURUHAN		100%

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN PENTOMIN HOMEROOM TINGKATAN 4 & 5

PENGENALAN

Pentomin adalah lakonan situasi tanpa dialog manakala skripnya akan dibaca oleh pelajar lain mengiringi lakonan tersebut. Lakonan jenis ini dapat memberi peluang kepada pelajar berlakon dengan yakin tanpa memikirkan masalah menghafaz dialog. Melalui aktiviti pentomin, Nellie Mc. Caslin (1984) dalam buku *Drama Dalam Pengajaran Bahasa*, menyatakan bahawa pelajar-pelajar dapat melatih diri dalam menguasai kemahiran mendengar iaitu ia harus meneliti dan mendengar skrip yang dibaca agar ia dapat melakonkan watak itu seperti yang diperlukan oleh skrip. Melalui aktiviti pentomin ini juga, pelajar diberi peluang untuk malahirkan perasaannya melalui gerak badan dan bukan melalui kata-kata. Ini dapat membina keyakinan diri dan motivasi kepada pelajar-pelajar yang lemah dalam kemahiran lisan.

KRITERIA PERTANDINGAN

1. Tema persembahan “**Guru Di Hatiku**”.
2. Pertandingan ini terbuka kepada semua homeroom tingkatan 4 & 5.
3. Penyertaan adalah melibatkan semua ahli homeroom.
4. Markah **BONUS** untuk penglibatan penasihat homeroom dalam pertandingan ini.
5. Lakonan pentomin mestilah tidak menyentuh sensitiviti masyarakat/kaum.
6. Pakaian peserta mestilah bersesuaian dan tidak menjolok mata.
7. Masa persembahan tidak melebihi 8 minit. (termasuk persediaan)
8. Markah akan dipotong sekiranya masa persembahan melebihi masa yang ditetapkan.
9. Pemenang perlu membuat persembahan pada Majlis Sambutan Hari Guru 2025.
10. **Cabutan nombor giliran persembahan akan dibuat sehari sebelum program bermula.**

KRITERIA PENILAIAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PERATUSAN MARKAH
1.	Persembahan (Gaya Persembahan & Ekspresi Muka)	40 MARKAH
2.	Sebutan & kelancaran	10 MARKAH
3.	Kekreatifan & keaslian & kemas dan tersusun	20 MARKAH
4.	Kerjasama antara ahli dan guru penasihat	20 MARKAH
5.	Bonus (Intonasi suara)	10 MARKAH
MARKAH KESELURUHAN		100%



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : MY HOMEROOM TEACHER, MY INSPIRER !
TARIKH : 4 MEI 2025 (AHAD)
MODUL KE : 09
TINGKATAN : SEMUA TINGKATAN
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-9 bagi sesi 2025.
2. Membuat persediaan awal iaitu perbincangan dan latihan.
3. Meningkatkan daya kreatif dan inovasi para pelajar & Guru Penasihat.
4. Memberi peluang dan ruang bagi pelajar menonjolkan potensi dan bakat masing-masing.
5. Memupuk pelajar menghayati dan menghargai pengorbanan guru.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
3. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
4. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-9 ini bagi tahun 2025.
5. Perbincangan diteruskan dengan perbincangan modul mengikut tingkatan (Lihat Lampiran).
6. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklumbalas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

Karena jasa guru aku mengenal dunia, karena jasa guru aku mengenal Allah dan Rasul-Nya. Sungguh! Islam benar-benar menghargai dan menghormati seorang pendidik.

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN PENGHASILAN VIDEO
“MY HOMEROOM TEACHER, MY INSPIRER !”
HOMEROOM TINGKATAN 1,2 & 3

PENGENALAN

Pertandingan “**MY HOMEROOM TEACHER, MY INSPIRER !**” bertujuan menjadikan penasihat homeroom sebagai inspirasi mereka di MRSM. Pelajar perlu menghasilkan video yang memaparkan kelebihan penasihat homeroom mereka. Melalui pertandingan ini diharapkan pelajar dapat mempersembahkan daya kreativiti dan inovatif dalam bentuk rakaman video dan gambar beserta teks yang bersesuaian menggunakan aplikasi tiktok. Program ini mampu mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli dan penasihat, dapat mengenali penasihat dengan lebih mendalam dan mencungkil bakat dalam menghasilkan video kreatif.

KRITERIA PERTANDINGAN

1. Penyertaan homeroom perlu menggunakan aplikasi TikTok.
2. Durasi video tersebut adalah maksimum 1 minit sahaja.
3. Video tersebut **WAJIB** dihasilkan dalam bahasa Inggeris.
4. Video TikTok yang dihasilkan merupakan **karya asli**. Sekiranya didapati video TikTok yang dihantar adalah bukan karya asli, maka penyertaan akan dibatalkan serta merta.

KRITERIA PENILAIAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PERATUSAN MARKAH
1.	TEMA (KETEPATAN DAN ISI KANDUNGAN)	20 MARKAH
2.	KREATIVITI DAN PRATIKAL UNTUK PENDIDIKAN/NILAI	40 MARKAH
3.	KUALITI DAN KEASLIAN (TEKNIKAL/KEASLIAN KONSEP)	30 MARKAH
4.	TEKNIK PERSEMBAHAN	10 MARKAH
MARKAH KESELURUHAN		100%

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN SYARAHAN
“MY HOMEROOM TEACHER, MY INSPIRER !”
HOMEROOM TINGKATAN 4 & 5

PENGENALAN

Syarahan adalah salah satu cabang seni penyampaian mesej secara lisan yang mengandungi idea, menaakul konsep, menghuraikan dan merumuskannya secara berkesan. Penyampaian syarahan yang berkesan adalah secara bersahaja dalam bentuk nasihat, peringatan, penegasan dan sindiran yang bertujuan mempengaruhi audiens. Penyampaian syarahan juga bergantung kesesuaian nada dan gaya dan bukannya menggunakan emosi seperti dengan menggunakan nada suara yang tinggi, menyanyi dan bersyair. Sentuhan seni syarahan adalah unik tidak seperti bahas yang bertujuan menegakkan dan mematikan lawan. Program ini dibuat oleh UPHR MRSM Tumpat adalah bagi meningkatkan keyakinan diri pelajar, meluaskan pengetahuan, memantapkan kemahiran berkomunikasi, dan menjana daya saing secara positif.

KRITERIA PERTANDINGAN

1. Tajuk syarahan **“MY HOMEROOM TEACHER, MY INSPIRER !”**
2. Penyampaian boleh dibuat dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
3. Pertandingan ini terbuka kepada semua homeroom tingkatan 4 & 5.
4. Penyertaan adalah terhad kepada **SEORANG PESERTA SAHAJA** bagi mewakili homeroom masing-masing.
5. Masa persembahan tidak melebihi 8 minit. (termasuk persediaan)
6. Markah akan dipotong sekiranya masa persembahan melebihi masa yang ditetapkan.
7. Loceng akan dibunyikan sekali, satu minit sebelum tamat, dan dua kali selepas tamat masa persembahan.
8. Penggunaan bahasa yang kurang sopan adalah **DILARANG**.
9. Peserta yang membaca teks atau nota, atau menyentuh isu sensitif, tidak sopan dan tidak sempat membuat kesimpulan **TIDAK LAYAK** untuk diumumkan sebagai pemenang.
10. Pemakaian Kostum adalah markah BONUS.
11. Pemenang perlu membuat persembahan pada Majlis Sambutan Hari Guru 2025.
12. **Cabutan nombor giliran persembahan akan dibuat sehari sebelum program bermula.**

KRITERIA PENILAIAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PERATUSAN MARKAH
1.	IDEA DAN ISI	30 MARKAH
2.	BAHASA	20 MARKAH
3.	PENYAMPAIAN	10 MARKAH
4.	SUSUNAN IDEA / ISI	10 MARKAH
5.	SUARA	10 MARKAH
6.	ADAB	10 MARKAH
7.	BONUS (KOSTUM)	10 MARKAH
MARKAH KESELURUHAN		100%

RUBRIK PEMARKAHAN SYARAHAN TAHAP ITEM PENILAIAN

1. IDEA/ ISI (30 MARKAH)

- | | | |
|-------------|--------------|--------|
| ○ CEMERLANG | 30-25 markah | |
| ○ BAIK | 24-18 markah | |
| ○ SEDERHANA | 17-11 markah | |
| ○ LEMAH | 10-1 | markah |

○ **CEMERLANG (30-25 markah)**

- Kata aluan sangat menarik - Definisi tajuk sangat tepat - Gaya / Cara memulakan pidato sangat baik dan keyakinan amat tinggi -- Menyampaikan 3 isi - Pengutaraan isi-isi yang sangat bernas - Mengemukakan datadata, dan bahan-bahan yang sangat tepat serta sangat logik termasuk huraiananya - Rumusan sangat baik - Kesan keseluruhan sangat meyakinkan penonton

○

BAIK (24-18 markah)

- Kata aluan menarik - Definisi tajuk tepat - Gaya / Cara memulakan pidato baik dan keyakinan tinggi - Menyampaikan 2 isi - Pengutaraan isi-isi yang sesuai. - Mengemukakan datadata yang amat minimum. - Rumusan baik - Kesan keseluruhan meyakinkan penonton

○ **SEDERHANA (17-11 markah)**

- Kata aluan kurang menarik - Definisi tajuk kurang tepat - Gaya / Cara memulakan pidato kurang baik dan keyakinan kurang - Menyampaikan 1 isi - Pengutaraan isi-isi yang kurang bernas - Mengemukakan datadata, dan bahan-bahan yang kurang tepat serta kurang logik termasuk huraiananya - Rumusan kurang baik - Kesan keseluruhan kurang meyakinkan penonton

LEMAH (10-1 markah)

- Kata aluan tidak menarik - Definisi tajuk tidak tepat - Gaya / Cara memulakan pidato tidak baik dan tidak mempunyai keyakinan - Menyampaikan hanya 1 isi - Isi tidak relevan dan terpesong. - Pengutaraan isi-isi yang tidak bernas - Mengemukakan datadata, dan bahan-bahan yang tidak tepat serta tidak logik termasuk huraiananya - Rumusan tidak baik - Kesan keseluruhan tidak meyakinkan penonton

2. BAHASA (20 MARKAH)

- CEMERLANG 20-15 markah
- BAIK 14-10 markah
- SEDERHANA 9-5 markah
- LEMAH 4-1 markah

- **CEMERLANG (20-15 markah)**

- Penguasaan bahasa kurang baik, kurang jelas, dan kurang tepat - Gaya bahasa yang kurang berkesan (kurang menepati maksud yang hendak disampaikan)

- **BAIK (14-10 markah)**

- Penguasaan bahasa tidak baik, tidak jelas, dan tidak tepat - Gaya bahasa yang tidak berkesan (tidak menepati maksud yang hendak disampaikan)

- **SEDERHANA (9-5 markah)**

- Penguasaan bahasa sangat baik, sangat jelas, dan sangat tepat - Gaya bahasa yang sangat berkesan (sangat menepati maksud yang hendak disampaikan)
markah

3. PENYAMPAIAN (10 MARKAH)

- Penguasaan bahasa baik, jelas, dan tepat - Gaya bahasa yang berkesan (menepati maksud yang hendak disampaikan)

4. SUSUNAN IDEA/ISI (10 MARKAH)

- **10-9 markah - Susunan idea yang sangat tertib**

- Penyampaian persembahan yang sangat lancar secara keseluruhan - Persembahan Tahap sangat meyakinkan Cemerlang penonton - Gaya penyampaian Baik (Body Language) yang Memuaskan sangat menarik

- **8-7 markah - Susunan idea yang tertib**

- Penyampaian persembahan yang lancar secara keseluruhan - Persembahan meyakinkan penonton - Gaya penyampaian (Body Language) yang menarik

- **6-4 markah - Susunan idea yang kurang tertib**

- Penyampaian persembahan yang kurang lancar secara keseluruhan Markah kurang - Persembahan meyakinkan 80-100 penonton - Gaya penyampaian (Body 65-79 Language) yang kurang 45-64 menarik

- **3-1 markah - Susunan idea yang tidak tertib**

- Penyampaian persembahan yang tidak lancar secara keseluruhan - Persembahan tidak meyakinkan penonton - Gaya penyampaian (Body Language) tidak ada.

5. SUARA (10 MARKAH)

- 10-9 Markah -Suara sangat jelas - Nada sangat baik - Sebutan dan intonasi sangat tepat
- 8-7 markah - Suara jelas - Nada baik - Sebutan dan intonasi tepat
- 6-4 markah - Suara kurang jelas - Nada kurang baik - Sebutan dan intonasi kurang tepat
- 3-1 markah - Suara tidak jelas - Nada tidak baik - Sebutan dan intonasi tidak tepat

6. ADAB (10 MARKAH)

- 10 markah - menghormati dan tidak menyentuh isu sensitif - menggunakan bahasa yang sopan dan beradab - mengamalkan nilai murni dalam penyampaian.

7. BONUS (10 MARKAH)

- 10 markah - Keseluruhan persembahan sangat teratur dan tertib. - Penyampaian penuh dengan kesopanan - penampilan diri kemas dan menarik/kostum
- 5 markah -Keseluruhan persembahan teratur. - Penyampaian penuh dengan kesopanan - penampilan diri kemas dan menarik
- 3 markah - Keseluruhan persembahan teratur. - Penyampaian penuh dengan kesopanan - penampilan diri tidak kemas
- 2-1 markah - Keseluruhan persembahan kurang teratur. - Penyampaian lemah. - penampilan diri tidak kemas



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : PENGURUSAN MERIT DEMERIT & AKTIVITI PERANCANGAN HOMEROOM MASING-MASING
: KURSUS 2 : MEMPERKASAKAN PELAPORAN HOMEROOM (SETIAUSAHA & NAIB SETIAUSAHA)
TARIKH : 11 MEI 2025 (AHAD)
MODUL KE : 10
TINGKATAN : SEMUA TINGKATAN
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan ke-10 bagi sesi 2025.
2. Memberi peluang dan ruang masa kepada Guru Penasihat dan ahli homeroom merancang dan melaksanakan aktiviti homeroom masing-masing seperti Program Khidmat Masyarakat (CSR) / Meraikan hari lahir / lawatan kerumah penasihat / perbincangan inovasi dan kreativiti dan sebagainya.
3. Memberi peluang dan ruang untuk pengurusan merit demerit homeroom masing-masing bagi menghantar permarkahan merit bagi bulan sebelumnya kepada Jawatankuasa Merit Demerit MRSM Tumpat.
4. Memberi panduan tentang pelaporan yang betul kepada semua setiausaha & Naib Setiausaha homeroom bagi semua tingkatan dalam **Memperkasakan Pelaporan Homeroom 2025**.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu memastikan Setiausaha dan Naib Setiausaha menghadiri kursus Memperkasakan Pelaporan Homeroom di Pusat Sumber Pembelajaran (3.00-4.30 petang).
3. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
4. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
5. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-10 ini bagi tahun 2025.
6. Perbincangan diteruskan dengan perbincangan perkara berikut :
 - ii. Program pengurusan merit demerit homeroom & aktiviti berdasarkan perancangan homeroom masing-masing.
7. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklumbalas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

"Pencapaian besar biasanya dilahirkan dari pengorbanan yang besar, dan tidak pernah dari hasil egoisme."-Napoleon Hill



**MODUL HOMEROOM
JAWATANKUASA UNIT PENGURUSAN HOMEROOM (UPHR)
MRSM TUMPAT 2025**

TAJUK : MODUL PENGORBANAN
TARIKH : 25 MEI 2025 (AHAD)
MODUL KE : 11
TINGKATAN : SEMUA TINGKATAN
MASA : 1 JAM

MATLAMAT / OBJEKTIF :

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan kali ke-11 bagi sesi 2025.
2. Memberi nilai dan kefahaman kepada pelajar tentang sebuah pengorbanan.
3. Memupuk sifat pelajar dalam memahami dan menghargai jasa ibubapa, para guru, para pekerja dan mengaitkan dengan pengorbanan setiap individu dalam hidup pelajar.
4. Memberi motivasi dalaman kepada pelajar tentang faktor kejayaan dan pengorbanan.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar & perkembangan ahli-ahli homeroom secara ringkas sebelum memulakan perbincangan.
3. Kehadiran pelajar dan penasihat perlulah dicatat diborang kehadiran yang disediakan.
4. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-11 ini bagi tahun 2025.
5. Perbincangan diteruskan berpandukan Modul Menghargai Pengorbanan mengikut tingkatan masing-masing.
6. Pertemuan selesai & setiausaha perlu merekod minit pertemuan homeroom dan semua ahli perlu membuat refleksi dan maklumbalas terhadap modul dan pertemuan hari ini.

Hal-hal lain / Nasihat :

“Hidup memerlukan pengorbanan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan.”

TINGKATAN 1

TAJUK: IDEA BERANGKAI “PENGORBANAN”

MATLAMAT / OBJEKTIF:

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan kali ke-11 bagi sesi 2025
2. Memberi nilai dan kefahaman kepada pelajar tentang sebuah pengorbanan.
3. Memupuk sifat pelajar dalam memahami dan menghargai jasa ibubapa, para guru, para pekerja dan mengaitkan dengan pengorbanan setiap individu dalam hidup pelajar.
4. Memberi motivasi dalaman kepada pelajar tentang faktor kejayaan dan pengorbanan.

PELAKSANAAN :

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar.
2. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-11,2025.
3. **Modul Idea Berangkai**, yang mana ianya bermula dengan orang pertama (Penasihat) memberi perkataan **PENGORBANAN** dan diikuti dengan anak homeroom pertama, kedua dan seterusnya dengan perkataan sambungan sehinggalah tercipta 1 penceritaan tentang pengorbanan. Pastikan setiap orang melalui 2x pusingan. **Setiap pelajar diwajibkan sebanyak 5 perkataan sahaja.**
4. Setelah cukup 2x pusingan, minta presiden baca Idea Berangkai yang telah diciptakan dalam homeroom masing-masing. Penasihat boleh rumuskan bagaimana hasilnya & komitmen anak-anak homeroom.

Hal-hal lain / Nasihat :

Guru penasihat perlu sentiasa menasihati & memperingatkan anak-anak homeroom agar sentiasa berbuat baik kepada orang yang berada di sekeliling kita. Tidak perlu memilih untuk buat kebaikan, teruskan niat itu. Jadi orang baik-baik!.

TINGKATAN 2

TAJUK: HAI ANAK

MATLAMAT / OBJEKTIF:

1. Pelajar dapat menghayati dan mengamalkan tanggungjawab selaku seorang anak yang merupakan harapan kedua ibubapa.
2. Menghargai orang yang berjasa kepada kita seperti ibu bapa atau guru.
3. Penekanan lebih kepada mengingatkan pelajar berkaitan aspek harapan dan impian keluarga terhadap pelajar agar pelajar menjadi anak yang beriman.
4. Penekanan juga dibuat kepada aspek melaksanakan tanggungjawab sebagai anak supaya menjadi orang yang bermanfaat kepada semua pihak.

PELAKSANAAN :

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-11, bagi tahun 2025.
3. Guru memberi pengenalan tentang topik bagi sesi ini sambil mengedarkan lirik lagu 'Hai Anak'.
4. Aktiviti mendengar dan menghayati lagu 'Hai Anak'.
5. Penasihat memperdengarkan lagu "Hai Anak" nyanyian Halim Ahmad menggunakan link <https://youtu.be/8MtZqgP2Yfc> sambil memberi edaran lirik lagu tersebut.
6. Guru dan pelajar merujuk lirik lagu seperti lampiran dan membuat ulasan berkaitan kepentingan menghayati dan mengamalkan tanggungjawab selaku seorang anak yang menjadi harapan ibubapa.

HAL-HAL LAIN / NASIHAT:

Guru memberi rumusan bahawa pelajar perlu mengetahui bahawa diri mereka disayangi dan menjadi harapan keluarga. Guru menitipkan kata-kata semangat dan pesanan kepada pelajar agar sentiasa berkelakuan baik, menjaga diri dan sentiasa berusaha untuk memenuhi harapan ibubapa.

HAI ANAK

Oleh:
HALIM AHMAD

Hai, anak
Penyejuk mata, penawar hati
Yang duka lara
Teringatkanmu
Menghibur ayah, juga mama

Hai, anak
Kau di antara berjuta nikmat
Yang dikurnia
Amanah buat ayah dan mama
Jariah kami
Dalam menuju ke Syurga

Hai, anak
Kau dibesarkan dengan kasih sayang
Dengan harapan
Menjadi insan yang beriman
Memberi manfaat buat seluruh umat

Hai, anak
Kami tak minta tuk hidup mewah
Cukup sekadar
Dengan melihat dirimu
Engkau mencintai Allah

Hai, anak
Penyejuk mata, penawar hati
Yang duka lara
Teringatkanmu
Menghibur ayah, juga mama

hai, anak
Kau di antara berjuta nikmat
Yang dikurnia
Amanah buat ayah dan mama
Jariah kami
Dalam menuju ke Syurga

Hai, anak
Kau dibesarkan dengan kasih sayang
Dengan harapan
Menjadi insan yang beriman
Memberi manfaat buat seluruh umat

Hai, anak
Kami tak minta tuk hidup mewah
Cukup sekadar
Dengan melihat dirimu
Engkau mencintai Allah
Ho-uu-oo
La-la-la-la-la
La-la-la-la-la

Hai, anak (hai, anak)
Kau dibesarkan dengan kasih sayang (kasih
sayang)
Dengan harapan
Menjadi insan yang beriman
Memberi manfaat buat seluruh umat

Hai, anak
Kami tak minta tuk hidup mewah
Cukup sekadar
Dengan melihat dirimu
Engkau mencintai Allah

Hai, anak
Penyejuk mata, penawar hati
Yang duka lara
Teringatkanmu
Menghibur ayah, juga mama

Engkau permata keluarga
Engkaulah penyejuk mata
Engkaulah penawar hati
Sungguh dikau istimewa

TINGKATAN 3

TAJUK: GANJARAN ANAK SOLEH

MATLAMAT / OBJEKTIF:

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan kali ke-11 bagi sesi 2025.
2. Memberi kesedaran tentang ganjaran pahala dan kebaikan yang akan diperolehi oleh anak yang soleh.
3. Melahirkan pelajar yang mengamalkan ciri-ciri anak soleh.
4. Pelajar dapat menghayati dan mengamalkan tanggungjawab selaku seorang anak yang merupakan harapan kedua ibubapa.
5. Menghargai orang yang berjasa kepada kita seperti ibu bapa atau guru.
6. Penekanan lebih kepada mengingatkan pelajar berkaitan aspek harapan dan impian keluarga terhadap pelajar agar pelajar menjadi anak yang beriman.
7. Penekanan juga dibuat kepada aspek melaksanakan tanggungjawab sebagai anak supaya menjadi orang yang bermanfaat kepada semua pihak.

PELAKSANAAN

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar.
2. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-11, bagi tahun 2025.
3. Guru Penasihat menjelaskan tajuk dan aktiviti kepada pelajar iaitu ganjaran pahala dan kebaikan yang akan dinikmati oleh seorang anak soleh dalam kehidupannya. **(Bahan bacaan berkaitan modul disediakan kepada Guru Penasihat-Lihat Lampiran)**
4. Penasihat Homeroom meminta pelajar untuk berkongsi pengalaman hidupnya yang boleh dijadikan ikhtibar kepada orang lain. Guru juga boleh berkongsi.
5. Membincangkan perbuatan buruk atau derhaka dan kesannya dalam kehidupan seorang anak.
6. Guru Penasihat meminta pelajar membuat rumusan tentang tajuk yang dibincangkan ini.

HAL-HAL LAIN / NASIHAT:

Guru penasihat perlu sentiasa menasihati & memperingatkan anak-anak homeroom agar sentiasa berbuat baik kepada orang yang berada di sekeliling kita. Tidak perlu memilih untuk buat kebaikan, teruskan niat itu. Jadi orang baik-baik!.

GANJARAN ANAK SOLEH :

Anak soleh adalah manusia unik yang berbeza daripada kebanyakan manusia lain. Bukan bermakna mereka berbeza daripada segi fizikal ataupun akal. Perkara yang membezakan mereka daripada manusia lain adalah kelebihan mereka dalam pelbagai hal kerana berjaya membentuk diri mereka menjadi orang yang istimewa di hadapan Allah SWT. Antara kelebihan yang mereka peroleh adalah:

1. Doanya Dikabulkan

Seseorang yang meninggal dunia dan meninggalkan anak yang soleh tidak akan khuatir dan tidak akan takut dengan kematiannya. Ini kerana, anak yang soleh akan sentiasa memerhatikannya dengan mengalirkan pahala dan doanya. Walaupun ibu bapanya sudah tidak dapat melakukan amal lagi. Doanya pasti dikabulkan kerana sudah dijamin oleh Rasulullah SAW yang menjelaskan:

"Apabila manusia mati, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang mendoakannya."

2. Menjadi Wasilah Dipanjangkan Umur Ibu Bapanya

Begitu juga bagi seseorang yang mempunyai anak-anak soleh. Umurnya akan dipanjangkan oleh Allah SWT kerana namanya akan sentiasa dikenang dan didoakan. Menjadi satu keuntungan yang luar biasa kepada ibu bapa yang mempunyai anak yang soleh. Menurut Abu Darda' r.a., Rasulullah SAW berkata:

"Sesungguhnya Allah tidak akan menangguhkan umur seseorang apabila sampai ajalnya. Penambahan umur itu hanya apabila Dia menganugerahkan keturunan yang soleh kepada seorang hamba. Ibu bapanya didoakan, maka sampailah doanya ke alam kuburnya."

3. Mengangkat Darjat Ibu Bapa di Sisi Allah SWT

Allah SWT mengangkat darjat seseorang disebabkan oleh amalan baiknya sendiri dan juga kerana amalan orang lain. Hak itu ada pada Allah SWT dan dianugerahkan-Nya kepada hamba-hamba yang dipilih-Nya. Antara mereka yang dipilih oleh Allah SWT untuk diangkat darjatnya adalah orang yang mempunyai anak-anak soleh walaupun dia tidak memiliki amal kebaikan seperti yang dimiliki oleh anaknya. Anaknya menjadi anak soleh kerana asuhan dan didikan ibu bapanya. Jadi, memang wajar orang yang mempunyai anak soleh diangkat darjatnya di sisi Allah SWT.

Hal itu berdasarkan hadith yang direkodkan daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW juga menjelaskan:

"Selepas meninggal dunia, darjat seseorang masih dapat diangkat. Orang yang sudah meninggal dunia yang menyedari darjatnya diangkat akan berkata, "Ya Allah, apa ini?" Maka akan dijawab, "Itu adalah kerana anakmu selalu meminta keampunan untukmu."

4. Menjaga Keluarga daripada Neraka

Anak soleh akan berusaha menjaga keluarganya, termasuk ibu bapanya daripada masuk ke dalam neraka. Dia tidak akan membiarkan orang terdekat sesat dalam perbuatan yang tidak diredhai Allah SWT. Dia akan mengajak mereka beribadah kepada Allah SWT dan meninggalkan kekufuran dan kemusyrikan. Dia sentiasa mengharapkan ibu bapanya selalu bersamanya, baik di dunia mahupun di akhirat nanti. Para sahabat Baginda selalu mengutamakan orang terdekat dengan mereka seperti ibu bapa, saudara, dan keluarga untuk diajak memeluk agama Islam. Tujuannya adalah supaya keluarga mereka terhindar daripada neraka.

Mereka sangat memerhatikan perintah Allah SWT:

"Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, garang, dan tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan."

(Surah At-Tahrim, ayat 6)

CIRI ANAK SOLEH

1. Berbuat baik kepada ibu bapa

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya; ibunya mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan dari awal mengandung sehingga akhir menyusunya, dan tempoh menceraikan susunya adalah dalam masa dua tahun. Dengan yang demikian, bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah juga tempat kembali bagi menerima balasan."

(Surah Luqman, ayat 14)

2. Tidak sombong dan membangga diri

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu kerana memandang rendah kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong. Sesungguhnya, Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur lagi membangga diri."

(Surah Luqman, ayat 18)

3. Bersikap sederhana dan merendahkan suara

"Dan sederhanakanlah langkahmu sesama berjalan, juga rendahkanlah suaramu semasa berkata-kata, sesungguhnya seburuk-buruk suara adalah suara keldai."

(Surah Luqman, ayat 19)

4. Memelihara Keutuhan Keperibadian Islam

Seorang anak soleh perlu sentiasa menjaga hubungannya dengan Allah SWT dengan mengikuti peraturan Allah SWT dengan konsisten. Anak soleh akan selalu menjadikan syariah Allah SWT sebagai panduan dalam setiap perbuatannya

TINGKATAN 4

TAJUK : “PAPA...JANGAN TINGGAL DAKU”

MATLAMAT / OBJEKTIF:

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan kali ke-9 bagi sesi 2025.
2. Memahami permasalahan & pengorbanan keluarga serta membuat persediaan mental dan emosi untuk menghadapi situasi yang berkemungkinan.
3. Menyemaikan **SIFAT REDHA** ke dalam hati pelajar yang mempunyai keluarga yang miskin dan kurang berkemampuan atau keluarga yang berlaku kepincangan, perceraian atau konflik.
4. Memberi sokongan emosi kepada pelajar sekiranya ada di kalangan pelajar homeroom sendiri.
5. Memberi rasa kesyukuran kepada pelajar yang dianugerahkan oleh Allah dengan sebuah keluarga yang bahagia.
6. Memberi persediaan mental dan emosi kepada pelajar untuk berhadapan sekiranya menghadapi situasi tersebut.

PELAKSANAAN :

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing.
2. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar.
3. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-11, bagi tahun 2025.
4. Guru meminta pelajar untuk melihat gambar yang diberikan seperti lampiran.
5. **Aktiviti perbincangan dan pembentangan:** Pelajar berada dalam 4 kumpulan. Guru meminta setiap kumpulan untuk membincangkan perkara berikut :
 - ✓ **Kumpulan 1** : Apakah yang anda fahami apabila anda melihat gambaran yang diberikan?
 - ✓ **Kumpulan 2** : Jika perkara ini terjadi kepada keluarga sahabat anda apakah yang mampu anda ungkapkan?
 - ✓ **Kumpulan 3** : Jika perkara ini terjadi kepada keluarga anda sendiri apakah yang mampu anda ungkapkan?
 - ✓ **Kumpulan 4** : Persediaan mental dan emosi dalam menghadapi perceraian keluarga.
6. Setiap kumpulan bergilir-gilir membuat pembentangan tentang perkara yang dibincangkan.
7. Guru Penasihat meminta pelajar membuat rumusan tentang tajuk yang dibincangkan ini.

HAL-HAL LAIN / NASIHAT:

Guru membuat rumusan tentang pembentangan pelajar dengan penekanan terhadap sifat redha dan persediaan mental / emosi jika menghadapi situasi seumpamanya.



PERSEDIAAN MENTAL DAN EMOSI REMAJA DALAM MENGHADAPI PENCERAIAN KELUARGA

1. MENGGALAKKAN KEJUJURAN

Remaja perlu jujur dengan perasaan sendiri. Jika kita sedih dengan perpisahan ini, maka jujurilah dengan perasaan itu. Tidak salah untuk anda menangis, namun jangan sampai meratap sehingga anda berputus harap. Yakinkan kasih sayang anda dengan ibu dan bapa tidak akan putus. Berdoalah yang terbaik untuk mereka.

2. LUAHKAN PERASAAN DENGAN KATA-KATA

Anak-anak luahkanlah perasaan dengan kata-kata. Jumpa orang yang paling kamu percaya. Kemungkinan besar dengan luahan itu perasaan kamu akan lega.

3. DAPATKAN BANTUAN

Ini bukan masanya untuk anda lalui semuanya sendirian. Cari kumpulan sokongan, berbincang dengan orang lain yang pernah melaluinya. Bantuan kaunselor, ahli terapi atau rakan juga akan mengekalkan sempadan yang sihat

4. YAKINLAH SETIAP KETENTUAN ADA HIKMAHNYA

Mungkin mudah untuk diungkap, namun amat sukar untuk dilaksanakan. Namun yakinlah setiap apa yang ditentukan oleh Allah adalah yang terbaik dan ada hikmahnya.

.

TINGKATAN 5

TAJUK: KISAH KEJAYAAN : IBU KATA BOLEH !!!

MATLAMAT / OBJEKTIF:

1. Mewujudkan semangat satu hati dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara sesama ahli homeroom dan penasihat dalam pertemuan kali ke-11 bagi sesi 2025.
2. Memberikan kesedaran kepada pelajar tentang kepercayaan pada diri mampu untuk mengubah sesuatu itu menjadi yang terbaik.
3. Peranan seorang ibu amat besar dalam menentukan kejayaan anak-anak.
4. Keyakinan adalah pemangkin kepada kejayaan.
5. Jika kita yakin kita boleh, maka kita akan boleh mencapai kejayaan.
6. Pelajar dapat menghayati dan mengamalkan tanggungjawab selaku seorang anak yang merupakan harapan kedua ibubapa.
7. Menghargai orang yang berjasa kepada kita seperti ibu bapa atau guru.
8. Penekanan lebih kepada mengingatkan pelajar berkaitan aspek harapan dan impian keluarga terhadap pelajar agar pelajar menjadi anak yang beriman dan berjaya dunia akhirat.

PELAKSANAAN :

1. Guru Penasihat menerima modul ini & perlu berada bersama homeroom masing-masing. Guru Penasihat perlu membina hubungan terlebih dahulu dengan bertanya khabar.
2. Guru Penasihat menerangkan matlamat/objektif pertemuan homeroom kali ke-11, bagi tahun 2025.
3. Guru meminta seorang pelajar untuk membaca teks yang diberikan. (rujuk lampiran).
4. Guru meminta pelajar untuk membincangkan perkara tersebut :
 - **Apa perasaan anda apabila membaca teks tersebut?**
 - **Apakah kata-kata ibu anda yang menjadi sumber kekuatan dalam diri anda?**
 - **Jika ibu anda masih ada.....apakah kata-kata yang paling anda ingin ungkapkan?**
5. Guru Penasihat meminta pelajar membuat rumusan tentang tajuk yang dibincangkan ini.

HAL-HAL LAIN / NASIHAT:

Guru penasihat perlu sentiasa menasihati & memperingatkan anak-anak homeroom agar sentiasa berbuat baik kepada orang yang berada di sekeliling kita. Tidak perlu memilih untuk buat kebaikan, teruskan niat itu. Jadi orang baik-baik!.

NORIZAN MUHID
KHAMIS, 10 JUN 2021 @ 22:05

KERATAN AKHBAR : Pelajar kematian ibu akibat covid-19 dapat 9A

SEKITAR KEPUTUSAN SPM 2020

MELAKA 10 Jun – Tidak seperti pelajar lain melonjak kegirangan ketika menerima keputusan cemerlang 9A Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 hari ini, Afiya Adzahar diselubungi kesedihan kerana tidak dapat meraikannya bersama ibunya yang meninggal dunia akibat COVID-19, kira-kira dua minggu lalu.

Pelajar Sekolah Menengah Sains Tuanku Aishah Rohani, Seremban Negeri Sembilan itu terkilan kerana ibunya, Rosliwati Rosdi disifatkan banyak berkorban selama ini untuk kejayaannya.

“Mama sepatutnya paling gembira dan layak meraikan kejayaan Afiya hari ini kerana mama paling banyak berkorban serta menjadi penguat semangat saya ketika tertekan menduduki peperiksaan sebelum ini.

“Tetapi mama meninggal dunia lebih awal dan tidak sempat menatap keputusan peperiksaan SPM ini bersama-sama saya dan ayah, namun saya yakin, mama pasti gembira dan bangga dengan kejayaan ini,” katanya.

Dia ditemui bersama bapanya, Adzahar Abu Bakar yang menghidap barah pangkal hidung sejak lebih 10 tahun lalu di rumah mereka di Kampung Paya Dalam.

Anak bongsu dari enam beradik itu berkata, pada awalnya dia tidak yakin akan mampu meraih keputusan cemerlang itu memandangkan dia agak tertekan ketika membuat persediaan peperiksaan SPM malah hanya mampu memperolehi B untuk subjek Matematik Tambahan pada peperiksaan percubaan SPM.

“Walaupun tinggal di asrama dan jauh dari rumah, ibu pasti datang melawat Afiya pada setiap minggu tanpa gagal, namun sejak diadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama enam bulan, kami tidak boleh berjumpa, ketika itu Afiya merasa amat tertekan.

“Tetapi ibu sentiasa memberi semangat dan kalau saya kata ‘tidak boleh’ ibu pasti berkata ‘boleh’, hinggakan ketika mahu mendapatkan keputusan SPM, masih terngiang-ngiang suara ibu mengatakan saya boleh.

“Ketika itu saya amat mengharapkan ibu ada di sebelah saya bersama ayah,” katanya dengan nada sebak.

Air mata gadis itu juga tidak dapat dibendung kerana dia amat berharap dapat berkongsi kegembiraan dan bersama-sama meraikan kejayaan memperolehi keputusan cemerlang SPM hari ini.

“Walaupun ibu sibuk mengurus ayah dan berulang-alik ke hospital kerana ibu juga tidak sihat kerana menghidap barah kepala, namun ibu tidak pernah hilang tumpuan pada pelajaran Afiya,” katanya.

Katanya, dia merancang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di universiti tempatan sebagai memenuhi impian ibunya yang mahu dia menjadi seorang doktor kelak.

Sementara itu, Adzahar, 52, berkata, kematian isterinya memberi kesan kepada Afiya memandangkan keduanya amat rapat malah Afiya juga tidak yakin dengan kemampuannya mendapat keputusan cemerlang.

“Malah sebelum keputusan SPM diumumkan hari ini, Afiya kelihatan muram dan tidak banyak bercakap dan sebagai ayah, saya perlu memainkan peranan seperti yang dilakukan oleh isteri sebelum ini iaitu sentiasa memberi semangat kepada Afiya,” katanya



Afiya yang berjaya memperolehi keputusan cemerlang 9A pada peperiksaan SPM 2020 yang diumumkan hari ini.